

20/05/2000

Memupuk nilai luhur idealisme belia

Hatipah Ahmad

"IDEALISME perlu ada dalam jiwa seseorang belia. Jika seseorang belia mempergunakan idealisme yang berguna sepenuhnya, semua hasrat dan impian akan dapat dilaksanakan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Hari Belia di Kuantan baru-baru ini. Malah, katanya, idealisme adalah penting untuk membawa negara ke tahap yang lebih maju daripada sekarang. Dr Mahathir berkata, segala-galanya boleh dilakukan sekiranya belia mempunyai cita-cita besar dan idealisme untuk menjadikan negara lebih kuat dan maju. Jika belia tidak mempunyai idealisme, sudah tentu mereka tidak dapat melaksanakan apa yang boleh dicapai. Sebaliknya, jika mereka mengatakan boleh, sudah tentu sedikit-sebanyak mereka akan cuba untuk melakukannya.

Banyak pihak sependapat dengan Perdana Menteri bahawa idealisme berbentuk positif perlu ada dalam jiwa belia supaya mereka tidak tergapai-gapai dalam mencari haluan hidup dan kerjaya. Antara contoh idealisme positif ialah pemikiran untuk mengisi diri dengan ilmu pengetahuan. Bagaimanapun, idealisme dan ilmu tidak berguna tanpa nilai hidup yang baik kerana ilmu pengetahuan akan membawa keburukan jika tidak berpegang kepada nilai mulia.

Sebagaimana agenda pembangunan alaf baru iaitu ke arah melahirkan generasi Malaysia yang berpengetahuan dalam teknologi maklumat (IT), adalah wajar bagi belia bersama-sama menghayati tema hari belia menggembleng tenaga dengan kerajaan dalam menangani dunia digital.

Ini selaras dengan tema sambutan Minggu Belia tahun ini, iaitu Bersama Menghadapi Cabaran Alaf Baru. Sambutan Minggu belia diadakan setiap tahun untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan belia kepada pembangunan negara, kata Ketua Pengarah Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Raja Roslan Raja Samah, sambil menambah, sambutan dibuat atas nama semangat kerjasama pertubuhan belia daripada pelbagai sektor.

Sambutan kali Ini lebih banyak menekankan kepada pembabitan belia dalam aktiviti keilmuan dan kemasyarakatan khususnya seperti khemah kerja, khidmat masyarakat dan gotong-royong bersama pemimpin utama negara. "Antara tanggungjawab kerajaan ke atas belia ialah untuk menyedarkan mereka mengenai pentingnya peranan mereka dalam pembangunan negara dan sumbangan kerajaan terhadap kepentingan belia.

"Oleh itu, apa yang penting kini ialah untuk membangunkan kesedaran mental dan spiritual golongan belia supaya mereka lebih peka terhadap tanggungjawab mereka terhadap negara," katanya ketika ditemui, baru-baru ini. Minggu Belia bermula dengan Perhimpunan Hari Belia di Kuantan Isnin lalu diikuti dengan sambutan pada peringkat negeri yang berakhir Ahad ini.

Raja Roslan berkata, kerajaan mahu membentuk lebih ramai belia yang bersikap mulia dan mempunyai jati diri yang tinggi. Ini adalah kerana ramai belia sejak beberapa waktu kini dikatakan sudah lupa diri dan tidak bersyukur terhadap kedudukan mereka hasil usaha kerajaan untuk membangunkan mereka.

Beliau berkata, belia yang berusia daripada 15 hingga 40 tahun sudah melebihi jumlah sembilan juta orang. Bagaimanapun, semakin ramai di kalangan mereka mula bersikap individualistik mengecap hidup selesa berkat kemakmuran negara tanpa mempertimbangkan kehendak masyarakat atau keluarga. Sikap negatif di kalangan belia begini disentuh oleh Dr Mahathir ketika berucap pada perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

Antara sebabnya, menurut Raja Roslan ialah kejayaan Dasar Ekonomi Baru

(DEB) yang menukar status kehidupan masyarakat daripada miskin kepada yang berada dan daripada kurang berpengetahuan kepada pintar, seperti yang berlaku kepada masyarakat kita hari ini. Kesan perubahan itu menjadikan masyarakat semakin berani dan bersikap terbuka menentang kerajaan.

Presiden Majlis Belia Malaysia, Saifudin Abdullah, berkata gejala ada belia yang bersikap kurang ajar tanpa menghormati yang tua wajar dibendung dengan mengajak mereka bersama-sama menghayati dan menyertai program kerajaan terutama yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

"Sebenarnya, belia di negara ini adalah golongan yang paling produktif dan sentiasa bersikap baik terhadap pemimpin negara. Cuma segolongan kecil sahaja yang bersikap kasar dan menentang kerajaan kerana kurang mendapat pendedahan mengenai cara yang terbaik untuk mendekati pemimpin.

"Bagaimanapun, adalah satu kesilapan bagi kita untuk meninggalkan mereka tanpa berusaha melakukan sesuatu kerana golongan itu sebenarnya tidak mengetahui perjuangan dan cabaran sebenar yang perlu dihadapi. Oleh itu, adalah wajar pemimpin muda selaku pelapis negara turun padang dan mendekati mereka dengan niat ikhlas untuk mengajak mereka ke arah kebaikan," katanya.

Saifudin berkata, alaf baru lebih mementingkan pengetahuan hingga digelar zaman k-ekonomi, iaitu ekonomi berasaskan pengetahuan dan bukan lagi berasaskan pengeluaran. Oleh itu, belia menghadapi cabaran untuk menghadapi era k-ekonomi dan mengambil langkah menimba ilmu pengetahuan.

Sementara itu, Prof Dr Shamsul Amri Baharuddin dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkata pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) adalah belia terpilih yang terdiri daripada mereka yang cemerlang dalam akademik atau kegiatan sosial seperti kelab akademik, sukan, pakaian seragam atau kesenian. "Mereka adalah kumpulan elit dalam kelompok pemuda di negara ini dan mestilah dilayan sebagai sekumpulan belia yang mempunyai ideologi tersendiri, bukannya seperti pelajar sekolah atau belia yang tidak cemerlang dalam akademik," katanya.

Beliau berkata, kerajaan Barisan Nasional tidak boleh bersifat seperti 'marahkan nyamuk kelambu dibakar' dengan menyekat kebebasan pelajar universiti berpolitik akibat tidak berpuas hati dengan demonstrasi atau bantahan yang dilakukan oleh sekumpulan kecil pelajar, sebaliknya mengkaji semula kaedah kerajaan melayan kerendah golongan ini kerana mereka adalah belia elit yang sentiasa akan menyuarakan fikiran terhadap proses pentadbiran negara.

Pendekatan yang mesra belia bukan saja dapat merapatkan hubungan belia dengan pemimpin tetapi juga merangsang keupayaan mereka seperti mendalami ilmu IT atau berusaha ke arah K-ekonomi.

Kecenderungan belia menimba ilmu sangat digalakkan dan ini menjamin persediaan mereka sebelum negara benar-benar bersedia ke arah k-ekonomi, kata Naib Presiden Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Datuk Dr Awang Ahmad Sulaiman. Katanya, keupayaan mereka untuk meraih ilmu pengetahuan dan bersama-sama membangunkannya tanpa mengira bangsa dan agama dapat mengangkat martabat golongan belia dan sekaligus boleh menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan mereka.

Menurutnya, langkah itu juga dapat menggiatkan semula aktiviti persatuan belia tempatan. Sehingga kini, katanya, ada kira-kira 6,900 persatuan belia di negara ini tetapi hanya 39 peratus daripadanya yang masih aktif dan bergerak.

Malaysia memerlukan lebih ramai belia berpengetahuan IT sesuai dengan rancangan kerajaan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kata Raja Roslan. Malah, katanya, pembinaan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kerajaan elektronik di Putrajaya adalah landasan terbaik bagi belia untuk memantapkan diri dalam IT dan seterusnya bersama-sama membentuk masyarakat

k-ekonomi.

Sebagai contoh ialah pembangunan ilmu. Kerajaan membina untuk menggalakkan lebih banyak kursus kepemimpinan dan kemahiran mengikut bidang di kalangan mereka.

Menurutnya, kerajaan akan membina lapan lagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh negara pada Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7) daripada tujuh yang sedia ada bagi melatih kepada 11,000 orang daripada 3,000 kini dalam bidang kemahiran dan kepemimpinan. Selain kemahiran, kementerian juga mempunyai program melatih belia menjadi usahawan menerusi Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia (TEB) dengan kerjasama BSN Commercial Bank dan Credit Guarantee Corporation (M) Bhd.

Pendekatan berbentuk pencegahan dengan kerjasama pihak berkuasa turut digunakan untuk merapatkan hubungan belia. Antaranya Rakan Bandaraya dan Rakan Pencegahan Jenayah. Dalam program Rakan Muda sendiri, Raja Roslan berkata, sembilan gaya hidup - Rakan Rekreasi, Rakan Wajadiri, Rakan Sukan, Rakan Cinta Alam, Rakan Kecergasan, Rakan Masyarakat, Rakan Seni Budaya, Rakan Rekacipta dan Rakan Wirausaha/Wiramahir - berjaya menarik minat belia.

Walaupun program Rakan Muda berjaya menarik penyertaan belia tetapi ia masih gagal membendung kegiatan kurang berfaedah di kalangan belia seperti jenayah, lepak dan penyalahgunaan dadah. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal-Ehwal Belia akan ditubuhkan untuk merancang pendekatan yang boleh mengurangkan gejala negatif itu.

Sehubungan itu, kementerian mengambil sikap lebih terbuka dan menggalakkan belia menentukan sendiri corak dan bentuk program yang diinginkan. Maklum balas mereka akan diambil sebelum keputusan mengenainya sama ada dari segi corak atau bentuk program dibuat.

"Berdasarkan maklum balas yang pernah dibuat terhadap belia mengenai gaya hidup yang diminati, banyak idea dan teguran membina sudah diterima. Oleh itu, kementerian akan merangka beberapa bentuk program rekreasi yang digemari dan pada masa yang sama, memasukkan nilai dan dasar kerajaan mengenai pembangunan belia," demikian jaminan Menteri Belia dan Sukan sendiri, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, baru-baru ini.

Kesimpulannya, belia perlu didampingi oleh semua pihak sebagai usaha untuk memupuk nilai murni dalam jiwa mereka supaya menjadi rakyat berdisiplin dan bertanggungjawab. Walaupun mereka dikatakan golongan sensitif yang penuh dengan penentangan, tindakan berbentuk hukuman tidak sepatutnya dikenakan ke atas mereka.

Hubungan yang lebih erat perlu diwujudkan antara belia dan kerajaan bagi memastikan mereka tidak berasa terpinggir dan program yang dirangka untuk mereka benar-benar mencerminkan kehendak dan cita rasa mereka selain sesuai dengan perubahan zaman. Kefahaman golongan tua membolehkan belia mengembangkan idealisme bagi menggarap nilai-nilai kesempurnaan hidup yang selari dengan tuntutan budaya, sosial dan agama.